

11 APR 1997

Anwar-Kraf

KERAJAAN SEDIA BANTU PROMOSI HASIL KRAF

KUALA KANGSAR, 11 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan sanggup membantu mempromosikan barangan kraftangan syarikat tempatan jika ia berdaya maju.

Katanya, langkah itu merupakan pendekatan baru kerajaan bagi memberi peluang pasaran yang lebih besar kepada syarikat bumiputera yang menghasilkan produk kraftangan yang berkualiti dan mempunyai nilai estetika tempatan yang tidak mempunyai saluran pemasaran yang meluas.

"Walaupun banyak barangan kraftangan tempatan kini sudah menembusi pasaran antarabangsa tetapi identiti pengeluar asalnya tidak dikenali kerana ia dipasarkan oleh syarikat antarabangsa tanpa nama syarikat pengeluar," katanya pada majlis perasmian Kilang Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Kuala Kangsar di sini petang ini.

Sebelum itu beliau menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman antara Mariwasa dan Malaysian Airlines Golden Boutique Sdn Bhd bagi pemasaran barangan kraftangan syarikat itu dalam kapal terbang dan di pejabat-pejabat MAS di luar negara.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Pengarah Urusan Mariwasa Megat Abdul Wahab Megat Abu Bakar dan Presiden Golden Boutique Noridah Ahmad.

Anwar berkata, banyak syarikat pengeluar barangan tempatan belum dapat diterima atau menembusi pasaran antarabangsa kerana kurangnya pendedahan dan teknik pemasaran.

Oleh itu, syarikat gergasi yang telah bertapak di peringkat antarabangsa harus membantu syarikat-syarikat kecil secara usahasama untuk memperbesar perusahaan itu dan memasarkan barangan mereka ke peringkat antarabangsa, katanya.

Mariwasa yang diasaskan oleh Megat Abdul Wahab pada 1975 pada peringkat permulaan mengeluarkan barangan ukiran emas dan perak, darjah dan pingat kebesaran.

Pada tahun 1994, Boustead Holdings telah membeli saham majoriti syarikat tersebut bagi menggalakan lagi perkembangan industri kraftangan tempatan.

Kini syarikat itu berjaya menebusi pasaran antarabangsa dan pada tahun lepas dilantik oleh SUKUM KL Ninety Eight Sdn Bhd untuk mengeluarkan barangan cenderamata sempena Sukan Komanwel di Kuala Lumpur tahun depan.

Menurut Anwar, barangan keluaran Mariwasa sudah sampai sehingga ke Istana Buckingham di London dan White House di Amerika Syarikat, namun ia tidak diketahui kerana barangan itu dijual oleh orang tengah.

"Malah Mariwasa telah turut membekalkan darjah kebesaran untuk negara-negara seperti Kuwait, Emiriyah Arab Bersatu, Maldives dan Itali, termasuk Darjah Mubarak Al-Kabir yang dianugerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh Kerajaan Kuwait baru-baru ini kerana sumbangannya kepada dunia Islam," katanya.

Beliau berkata dengan adanya kerjasama syarikat gergasi tempatan, usahawan Melayu kelas menengah akan dapat dibangunkan.

Beliau juga memuji kerajaan negeri Perak yang telah berusaha membangunkan kawasan perindustrian dan perdagangan ke luar bandar daripada hanya tertumpu di kawasan bandar-bandar besar.

Katanya, kerajaan pusat sentiasa memastikan pembangunan negara ini seimbang dan merata bagi memastikan kesemua lapisan rakyat dapat mengecapi faedah daripada pembangunan yang sedang rancak di negara ini. -- BERNAMA

HK LAT NMO

